



**Fakulti Bahasa dan Komunikasi**

**ANALISIS RAGAM BAHASA DALAM ANTOLOGI CERPEN  
KANAK-KANAK 'TIGA DUNIA'**

**AIN NURANI BINTI ZULKIFLI  
(72989)**

**Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) Dengan Kepujian  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Please tick (√)  
Final Year Project  
Masters  
PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

**Pengakuan Keaslian Hasil Kerja**

Perakuan ini telah dibuat pada ..... 2021.

**Pengakuan Pelajar:**

Saya Ain Nurani Binti Zulkifli bernombor matrik 72989 daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Analisis ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia'. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6 Jun 2022

---

Tarikh Serahan



---

Ain Nurani Binti Zulkifli (72989)

**Pengesahan Penyelia:**

Saya Dr. Zurani binti Seruji dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Analisis ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia' telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada "FAKULTI" sebagai \* memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr. Zurani binti Seruji

Tarikh: 6 Jun 2022

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

**Pengesahan Projek / Tesis**

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:



---

6 Jun 2022

Tandatangan Penyelia:

---

(Tarikh)

Alamat semasa pelajar:

No.65, Jalan Sakura 5, Taman Sakura, Ampangan, 70400, Seremban, Negeri Sembilan.

Nota: \*Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur saya panjatkan kehadiran Allah, atas limpah kurnia-Nya, kekuatan, motivasi yang diberikan sepanjang saya menjalankan tugas penyelidikan ini dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada penyelia saya, Dr. Zurani binti Seruji, atas arahan, toleransi, galakan, dan, memberikan kritikan serta cadangan yang bernas untuk menambah baik kerja saya. Seterusnya buat pensyarah yang telah membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya iaitu Dr. Hamidah binti Abd Wahab. Saya tidak akan dapat menyiapkan projek saya tanpa bantuan dan arahan mereka.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga dan orang di sekeliling saya, atas sokongan dan pemahaman yang tidak putus-putus sejak tahun pertama sehingga saya menamatkan pengajian. Saya mungkin tidak dapat menyiapkan kajian ini jika mereka tidak berada di sisi saya.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa rakan rapat saya atas sokongan dan keterujaan yang tidak berbelah bagi sepanjang saya menjalankan kajian. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan saya iaitu Muhammad Khairul Amin bin Awang Saad dan Nazrinzulaiqa binti Hasbi atas bantuan mereka dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Semoga Tuhan terus memberkati semua orang yang terlibat dalam menjayakan projek ini dengan kesenangan, kesihatan, dan kemakmuran seumur hidup.

## ABSTRAK

Bahasa merupakan satu kebolehan semula jadi manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi yang arbitrari, dipersetujui dan digunakan oleh manusia untuk jalinan komunikasi antara satu sama lain. Seterusnya, kajian ini telah memilih ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia'. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk meneliti ragam bahasa yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dengan berlandaskan kepada dua objektif. Objektif pertama dalam kajian ini ialah mengenal pasti ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia'. Objektif yang kedua pula ialah menghuraikan ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia' berdasarkan kerangka Za'ba (1965). Kajian ini telah memfokuskan kepada ragam bahasa yang terdiri daripada lima belas ragam bahasa. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan analisis teks. Pengkaji juga telah memilih lapan buah cerpen untuk dikaji. Dapatan pula menunjukkan sebanyak tiga belas daripada lima belas ragam bahasa yang terdapat dalam proses mengenalpasti jenis ragam bahasa. Ragam bahasa yang dihuraikan berdasarkan kerangka Za'ba (1965) ialah jenis ragam bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa naik, pertanyaan ingkar, bahasa seruan atau mengeluh, bahasa berulang dan bahasa bukan.

**Kata kunci:** Bahasa, Ragam bahasa dan Antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia'.

## **ABSTRACT**

*Language is a natural human ability that is a system of arbitrary sound symbols, agreed and used by humans to interconnect communication with each other. Next, the study selected the variety of languages in the anthology of the children's short story 'Three Worlds'. The purpose of this study is to examine the variety of languages found in children's short stories based on two objectives. The first objective in this study was to identify the variety of languages in the anthology of the children's short story 'Three Worlds'. The second objective is to elaborate the variety of languages in the anthology of the children's short story 'Three Worlds' based on the framework of Za'ba (1965). This study has focused on a variety of languages consisting of fifteen different languages. Researchers have also selected eight short stories to study. The study has also used a qualitative method that is with the analysis of the text. The findings showed that thirteen out of fifteen languages were found in the process of identifying the type of language. The variety of languages described based on the framework of Za'ba (1965) is a variety of sarcasm, slurring language, mocking language, reverse language, sulking language, tempelak language, herdic language, extreme language, rising language, disbelief question, exclamation or complaining language, repetitive language and non-language.*

**Keyword :** *Language, Variety of Languages and Anthology of the children's short story 'Tiga Dunia'.*

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>		<b>HALAMAN</b>
PENGISYTIHARAN HASIL KERJA		I
PENGHARGAAN		1V
ABSTRAK		V
JADUAL KANDUNGAN		VII
SENARAI JADUAL		IX
SENARAI RAJAH		IX
<b>BAB 1</b>		
<b>PENDAHULUAN</b>		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Permasalahan Kajian	2
1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	4
1.5	Definisi Operasi Terma	4
	1.5.1 Ragam Bahasa	4
	1.5.2 Ragam bahasa Sindiran	4
	1.5.3 Ragam bahasa Menggiat	5
	1.5.4 Ragam bahasa Mengejek	5
	1.5.5 Ragam bahasa Terbalik	6
	1.5.6 Ragam bahasa Merajuk	6
	1.5.7 Ragam bahasa Tempelak	6
	1.5.8 Ragam bahasa Herdik	7
	1.5.9 Ragam bahasa Melampau	7
	1.5.10 Ragam bahasa Naik	8
	1.5.11 Ragam bahasa Pertanyaan Ingkar	8
	1.5.12 Ragam bahasa Seruan atau Mengeluh	8
	1.5.13 Ragam bahasa Berulang	9
	1.5.14 Ragam bahasa Bukan	9
	1.5.15 Cerpen kanak-kanak	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
	1.6.1 Kepentingan kajian dari segi teoritikal	10
	1.6.2 Kepentingan kajian dari segi praktikal	11
1.7	Rumusan	11
<b>BAB 2</b>		
<b>SOROTAN KAJIAN</b>		



2.1	Pengenalan	12
2.2	Kajian Lepas berkaitan Ragam Bahasa	12
2.3	Sintesis Kajian Lepas	21
2.4	Rumusan	22
<b>BAB 3</b>		
<b>METODOLOGI</b>		
3.1	Pengenalan	23
3.2	Metodologi Kajian	23
3.3	Reka Bentuk Kajian	24
3.4	Korpus Kajian	23
3.5	Instrumen Kajian	25
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	29
	3.6.1 Contoh Penyusunan Data	30
3.7	Kaedah Analisis Data	31
3.8	Batasan Kajian	32
3.9	Rumusan	32
<b>BAB 4</b>		
<b>DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	Pengenalan	33
4.2	Dapatan Data	33
	4.2.1 Bahasa Sindiran	34
	4.2.2 Bahasa Menggiat	35
	4.2.3 Bahasa Mengejek	36
	4.2.4 Bahasa Terbalik	37
	4.2.5 Bahasa Merajuk	38
	4.2.6 Bahasa Tempelak	39
	4.2.7 Bahasa Herdik	40
	4.2.8 Bahasa Melampau	41
	4.2.9 Bahasa Naik	42
	4.2.10 Pertanyaan Ingkar	44
	4.2.11 Bahasa Seruan atau Mengeluh	45
	4.2.12 Bahasa Berulang	46
	4.2.13 Bahasa Bukan	47
4.3	Perbincangan	49
4.4	Rumusan	52
<b>BAB 5</b>		
<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pengenalan	53
5.2	Ringkasan	53
5.3	Implikasi Kajian	54
5.4	Hala tuju kajian akan datang	55
5.5	Rumusan	56
<b>RUJUKAN</b>		57
<b>LAMPIRAN</b>		60

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>		<b>HALAMAN</b>
1.	Contoh penggunaan Kerangka Za'ba ( Zainal Abidin, 1965)	28
2.	Contoh persembahan data ragam bahasa bagi domain bahasa sindiran	30
3.	Bahasa Sindiran	34
4.	Bahasa Menggiat	35
5.	Bahasa Mengejek	36
6.	Bahasa Terbalik	37
7.	Bahasa Merajuk	38
8.	Bahasa Tempelak	39
9.	Bahasa Herdik	40
10.	Bahasa Melampau	41
11.	Bahasa Naik	42
12.	Pertanyaan Ingkar	44
13.	Bahasa Seruan atau Mengeluh	45
14.	Bahasa Berulang	46
15.	Bahasa Bukan	47

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>		<b>HALAMAN</b>
1.	Carta alir proses metodologi kajian.	23
2.	Proses pengumpulan data	30
3.	Proses penganalisan data	31

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bagi bab ini, pengkaji akan menerangkan latar belakang kajian yang ingin dijalankan, permasalahan serta tujuan dan objektif kajian. Seterusnya, pengkaji juga akan memperlihatkan definisi operasi terma bagi setiap bahagian yang digunakan dalam kajian ini serta kepentingan kajian yang dijalankan.

### **1.2 Latar belakang kajian**

Bahasa ialah satu kebolehan semula jadi manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi yang arbitrari, dipersetujui dan digunakan oleh manusia untuk jalinan komunikasi antara satu sama lain. Menurut Raja Mukhtaruddin (1980) dalam penulisan Mohd Amin (2020), bahasa ialah satu sistem lambang pertuturan yang arbitrari dan digunakan oleh ahli-ahli sesebuah masyarakat. Tambahan pula, Abdullah Hassan (1984) dalam penulisan Mohd Amin (2020) juga berpendapat bahawa dalam memberi defini bahasa, penting bagi seseorang untuk mengetahui ciri-ciri bahasa tersebut. Ciri-ciri bahasa ini akan menjadi lebih jelas dari segi penggunaan dan sifatnya sebagai alat perhubungan. Salah satunya adalah dari segi ragam-ragam bahasa yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu ujaran.

Pemilihan ragam bahasa oleh penutur ketika berkomunikasi akan menentukan keberkesanan dalam berkomunikasi melalui sesuatu perihal yang ingin disampaikan kepada pendengar. Penggunaan ragam bahasa yang tepat dapat memperlihatkan ciri kesantunan berbahasa dalam penulisan mahupun pertuturan seseorang malah secara tidak langsung ia mampu menyerlahkan keperibadian seseorang penutur itu.

Kajian ini akan mengkaji ragam bahasa dalam antologi cerita pendek atau cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia'. Menurut Bachman (1990) dalam penulisan Nur Hayati, ragam bahasa ialah satu variasi bahasa yang berbeza mengikut penutur, topik yang dibicarakan, hubungan pembicara, kawan bicara, orang yang dibicarakan serta menurut medium pembicara. Antologi ini mengandungi cerpen-cerpen tentang psikologi kanak-kanak yang ditulis oleh para pengarang terkenal tanah air. Cerpen-cerpen ini mengisahkan suka duka kanak-kanak dalam menghadapi ibu bapa, guru, rakan sebaya dan ahli masyarakat dalam kehidupan seharian mereka.

### **1.3 Permasalahan kajian**

Hassan (2000) telah meninjau ragam bahasa dari sudut yang berbeza. Beliau juga menyatakan bahawa negara Malaysia mempunyai pelbagai bahasa, dialek, ragam bahasa. Menerusi penulisan buku 'Ilmu Mengarang Melayu' menyatakan bahawa terdapat lima belas ragam bahasa manusia. Antara ragam bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa naik, bahasa pertanyaan ingkar, bahasa seruan atau keluhan, bahasa berulang, bahasa bertimbal, bahasa bukan dan bahasa jenaka.

Pengkaji juga mendapati bahawa kesemua cerita pendek atau cerpen dan novel tidak memfokuskan kepada ragam bahasa. Sebanyak tujuh kajian iaitu daripada Jaenudin et al. (2018), Ganiwati (2020), Murdiana et al. (2020), Adenan et al. (2018), Muhyat & Nik Muhammad Affendi (2014), Mohd Khalidi et al. (2017) dan Widyaningrum (2015) yang hanya memfokuskan kepada gaya bahasa iaitu hiperbola, personafikasi simile dan lain-lain. Umum mengetahui bahawa gaya bahasa lebih meluas kepada angkubah-angkubah sosial. Namun, bagi ragam bahasa pula lebih khusus kepada bahasa berulang, bahasa sindiran,

bahasa kiasan dan lain-lain. Tepatlah bahawa, kajian yang akan dijalankan ini perlu diteruskan. Hal ini kerana, menerusi kajian ini dapat mengisi kelompongan kajian bahasa dalam penulisan cerpen dari aspek ragam bahasa dengan berpandukan kepada teori Kerangka Za'aba (1965).

Kajian lepas daripada Jaenudin et al. (2018), Ganiwati (2020), Murdiana et al. (2020), Adenan et al. (2018), Muhayat & Nik Muhammad Affendi (2014), Mohd Khalidi et al. (2017) dan Widyaningrum (2015) telah berfokuskan kepada gaya bahasa dalam cerpen-cerpen yang dipilih. Namun, kajian daripada Junaidi et al. (2018) yang telah berfokuskan kepada persekitaran kanak-kanak dan Mohd (2020) ialah dari aspek pemikiran kerohanian iaitu keagamaan, kekeluargaan, kemasyarakatan dan etika. Hal ini dapat dilihat bahawa kajian yang sedia ada ini tidak cukup dan memadai untuk dijadikan bahan rujukan kepada para pembaca mahupun pengkaji yang lain. Ini kerana terdapat kekurangan kajian dari aspek ragam bahasa dalam cerpen kanak-kanak ini.

Tepatlah bahawa kajian yang akan dijalankan ini dapat mengisi kelompongan kajian dalam cerpen kanak-kanak menerusi aspek ragam bahasa. Kajian ini juga dapat menghuraikan ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia' berdasarkan kerangka Za'ba (1965). Selain itu, kajian ini juga dapat melihat dan meneliti psikologi kanak-kanak yang ditulis oleh pengarang dalam suka dan duka kehidupan kanak-kanak ini.

## **1.4 Tujuan dan objektif kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti ragam bahasa yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dengan berlandaskan kepada dua objektif iaitu :

- a) Mengenal pasti ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia'.
- b) Menghuraikan ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia' berdasarkan kerangka Za'ba (1965).

## **1.5 Definisi operasi**

### **1.5.1 Ragam Bahasa**

Ragam bahasa didefinisikan sebagai variasi bahasa berdasarkan penggunaannya yang berkaitan dengan situasi yang tertentu. Menurut Bachman (1990) dalam penulisan Trigonal Media (2015), ragam bahasa ialah variasi bahasa menurut pemakaian yang berbeza-beza, topik yang dibicarakan, orang yang dibicarakan serta medium pembicara. Seterusnya, Zafarul Irshard (2021) menyatakan bahawa ragam bahasa ialah bentuk bahasa yang khas yang digunakan dalam penulisan atau pertuturan untuk menguatkan lagi makna pertuturan dan mempertajamkan lagi pemahaman pendengar mahupun pembaca. Ragam bahasa juga ialah bahasa yang tertentu digunakan untuk menyatakan sesuatu dengan pelbagai bentuk dan cara.

### **1.5.2 Bahasa Sindiran**

Ragam bahasa jenis ini merujuk kepada ayat yang maksudnya tidak dinyatakan terus atau dengan tepat, namun dikiaskan kepada perkara atau maksud yang lain. Penutur yang menggunakan bahasa sindiran ini kebiasaannya akan menggunakan perkataan yang tidak lengkap ketika berkomunikasi. Menurut Zainal Abidin (2002), suatu pernyataan yang ditujukan oleh penutur kepada seseorang yang mengandungi sesuatu perkataan yang maksud

perkataan itu tidak dinyatakan dengan tepat atau jelas, malah penutur hanya mengias-giaskan kepada perkara lain. Penyindir kebiasaannya akan menggunakan bahasa yang “umum sifatnya, bersifat kiasan dan juga menyatakan sesuatu secara tergantung, iaitu tidak lengkap perkataannya.

### **1.5.3 Bahasa Menggiat**

Ragam bahasa menggiat merujuk kepada bahasa yang tidak tepat seakan-akan bahasa sindiran, tetapi tidak berisi bahasa kiasan. Menurut Zainal Abidin (2002), penggunaan bahasa menggiat hanya sekadar untuk mengusik, bergurau senda dan adakalanya boleh menerbitkan perasaan malu pada pendengar. Menurut Zafarul Irshard (2021) menyatakan bahawa bahasa menggiat ialah susunan kata yang seakan-akan bahasa sindiran tetapi tidak mengandungi kiasan. Seterusnya, tujuan untuk bergurau mahupun mengusik seseorang namun boleh jadi bersungguh-sungguh sehingga menyebabkan seseorang tersebut malu.

### **1.5.4 Bahasa Mengejek**

Menurut Zafarul Irshard (2021), ragam bahasa mengejek ialah satu susunan kata yang mengata pihak tertentu dengan perkataan ejekan yang tepat dan disertai dengan aksi. Tujuannya ialah untuk menampakkan pihak kelemahan pihak yang diejek supaya mereka kelihatan tidak bijak dan dijadikan bahan ketawa sehingga pihak yang diejek berasa malu dan marah. Seterusnya, menurut Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa mengejek ialah bahasa yang mengata akan seseorang atau sesuatu kumpulan dengan perkataan yang tepat tetapi dengan gaya yang mengajukkan keburukannya serta mempermainkan seseorang supaya nampak keburukannya supaya ditertawakan orang. Hal ini mampu membangkitkan kemarahan dan sakit hati seseorang yang dikatakan itu.

### **1.5.5 Bahasa Terbalik**

Menurut Nur Afnizah (2010) menyatakan bahawa ragam bahasa terbalik ialah bahasa yang menggunakan perkataan berlainan dengan makna asal. Selain itu, maksud yang dikehendaki dan difahami berlainan dengan sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Selain itu, Stsrhismail (2022) berpendapat bahawa ragam bahasa terbalik ini merupakan satu bahasa yang menggunakan perkataan berlawanan daripada maksud yang ingin disampaikan kepada pendengar atau pembaca. Ragam bahasa ini juga digunakan bertujuan agar pendengar mahupun pembaca sedar akan kesalah yang telah dilakukan oleh mereka. Ragam bahasa ini juga merupakan satu konteks ayat seolah-olah menyindir seseorang. Namun, ragam bahasa ini tidak menggunakan nada atau intonasi yang keras dan bahasa kiasan kepada pendengar.

### **1.5.6 Bahasa Merajuk**

Menurut Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa merajuk ialah satu perasaan yang berkecil hati terhadap sesuatu ujaran atau perlakuan yang berlaku dalam jalinan komunikasi pada masa tersebut. Ragam bahasa ini

### **1.5.7 Bahasa Tempelak**

Menurut Norhasliza Ramli et.al (2018) menyatakan bahawa ragam bahasa tempelak ialah satu kaedah berbahasa yang digunakan untuk menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh seorang individu itu. Kelaziman bahasa ini juga dimanfaatkan oleh pewacana yang marah, bosan dan terganggu fikiran berikutan daripada tindakan seseorang yang enggan menerima nasihat orang lain pada masa dahulu. Fungsi ragam bahasa ini dituturkan ialah untuk membuka mata dan menyedarkan pihak lagi satu. Menurut Za'ba, bahasa tempelak disifatkan sebagai hendak memulangkan paku buah keras kepada orang yang tidak mendengar nasihat



setelah berlaku sesuatu yang tidak diingini akibat tidak mendengar nasihat yang diberikan pada awalnya. Hal ini mungkin sering terjadi pada diri kita. Tambahan pula, sikap ingin mencuba dalam diri sering menyebabkan kita melakukan perkara yang sia-sia tanpa menghiraukan nasihat daripada orang yang lebih tua.

### **1.5.8 Bahasa Herdik**

Menurut Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa herdik ialah satu bahasa yang menyerupai bahasa tempelak. Namun, bahasa yang digunakan ini lebih keras dan bernada mengejek sehingga mampu untuk menjatuhkan air muka seseorang. Ragam bahasa ini juga seringkali digunakan oleh masyarakat yang tergolong dengan istilah kurang sopan dalam pertuturan yang diujarkan.

### **1.5.9 Bahasa Melampau**

Menurut Za'ba (1965) menyatakan bahawa bahasa melampau ialah satu ragam bahasa yang diungkapkan secara berlebih-lebihan. Penerimaan pendengar atau pembaca bagi bahasa melampau ini sukar untuk diterima kerana seringkali ungkapan ini tidak mampu digambarkan, dilakukan dan tidak logik buat akal fikiran manusia yang waras. Seterusnya, Bahri Roslan dalam penulisan Aziqal Hisham (2016) menyatakan bahawa ragam bahasa melampau ialah satu bahasa yang digunakan oleh penutur secara kasar. Selain itu, Norimah Yahya menerusi penulisan Aziqal Hisham (2016) pula berpendapat bahawa ragam bahasa melampau ini ialah bentuk bahasa yang khas digunakan dalam penulisan atau ujaran bagi menguatkan lagi maksud percakapan. Seterusnya, Kumaresan pula berpendapat menerusi penulisan Aziqal Hisham (2016) bahawa ragam bahasa melampau ini ialah satu tindakan yang berlebih-lebihan dan keterlaluan untuk diterima.

### **1.5.10 Bahasa Naik**

Menurut Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa naik ini ialah dengan menyatakan sesuatu maksud dengan menggunakan bahasa yang menyebutkan sesuatu perkara yang paling rendah kemudian beransur-ansur selangkah demi selangkah naik ke sehingga mencapai matlamat atau makna ujaran yang ingin disampaikan itu. Ragam bahasa ini juga mampu menjelaskan satu demi satu isi atau perkara yang ingin disampaikan dari segi penulisan mahupun pertuturan dengan lebih baik. Hal ini juga dikatakan demikian kerana penerima maklumat dapat membuat satu gambaran mengenai perkara yang ingin disampaikan oleh pemberi maklumat.

### **1.5.11 Pertanyaan Ingkar**

Menurut Za'ba (1965), pertanyaan ingkar ialah satu ujaran atau ungkapan yang menggunakan istilah bukan tetapi berlawanan dengan makna asal sesuatu ungkapan tersebut. Pertanyaan yang di ungkapkan itu seolah-olah mengejek kerana hendak menguatkan lagi akan kebenaran sesuatu perkara itu lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana pertanyaan yang di ajukan ini seakan-akan memperlihatkan penerima maklumat itu tidak mengetahui tentang sesuatu perkara berbanding dengan pemberi maklumat itu.

### **1.5.12 Bahasa Seruan atau Mengeluh**

Menurut Norhasliza Ramli et.al (2018) menyatakan bahawa ragam bahasa seruan atau mengeluh ini dizahirkan bertujuan untuk menyatakan rasa kecewa dan sesal oleh seseorang atas sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku. Seterusnya, Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa seruan atau mengeluh ini ialah satu kaedah bagi mengeluarkan satu perasaan yang keras dengan keluhan dan tidak menyatakan secara terang-terangan. Ragam

bahasa ini disampaikan menerusi pertuturan mahupun penulisan dengan harapan agar perasaan tersebut mampu sampai kepada pembaca dan pendengar.

### **1.5.13 Bahasa Berulang**

Ragam bahasa berulang menurut Zainal Abidin (2002) ialah merupakan bahasa yang digunakan semata-mata untuk mengulang sesuatu perkataan atau ayat bagi tujuan hendak menguatkan maksudnya. Penggunaan ragam bahasa berulang dalam kalangan penutur ialah untuk menguatkan tujuan sesuatu pernyataan disamping menegaskan sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana penggunaan kata-kata atau frasa yang berulang merupakan kata yang berupaya meningkatkan motivasi dan keyakinan penutur.

### **1.5.14 Bahasa Bukan**

Menurut Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa bukan ini ialah satu bahasa yang menggunakan konsep tidak tetapi berbeza dengan makna yang ingin disampaikan. Hal ini dapat dilihat bahawa kebanyakan soalan atau konteks ayat yang di ungkapkan ini menggunakan perkataan 'bukan' tetapi ia tidak merujuk kepada menolak sesuatu perkara malahan ia telah menguatkan lagi pernyataan yang telah dituturkan.

### **1.5.15 Cerpen kanak-kanak**

Cerpen ialah akronim iaitu singkatan kepada dua patah perkataan yang dijadikan satu patah perkataan. Perkataan atau istilah cerpen ini terdiri daripada perkataan 'cerita' dan 'pendek'. Menurut Cayth (2010), penggunaan bahasa dalam cerpen kanak-kanak haruslah sesuai dengan tahap pencapaian mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang digunakan haruslah terjamin kesopanan dan mutunya. Selain itu, bahasa yang mudah difahami

oleh kanak-kanak juga perlu dititikberatkan seperti mempunyai tanda baca yang betul dan teratur, penggunaan ayat yang pendek dan perkataan yang tegas.

Kesemua definisi ini merupakan ragam bahasa yang akan difokuskan dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan kerangka Za'ba (1965).

## **1.6 Kepentingan kajian**

### **1.6.1 Kepentingan kajian dari segi teoritikal**

Kepentingan teoritikal kajian ialah untuk mengetengahkan lagi fahaman mengenai ragam bahasa di dalam antologi cerpen. Dalam pada itu, kajian ini juga akan mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai ciri-ciri dan fungsi ragam bahasa dalam sesuatu penulisan mahupun pertuturan seseorang. Kajian ini juga mampu menambahkan maklumat tentang dapatan data yang dikaji oleh Shah Hassan & Rosnon (2016) dan Ramli et al. (2018) yang juga menjalankan kajian yang sama iaitu analisis ragam bahasa. Kajian-kajian yang sebelumnya sukar didapati menerusi penganalisan ragam bahasa dalam cerpen mahupun novel. Kajian ini juga dapat menganalisis penulisan cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia' dari segi ragam bahasa. Seterusnya, kajian lepas juga lebih banyak menekankan gaya bahasa di dalam penulisan cerpen berbanding ragam bahasa. Kajian ini juga memberi jawapan kepada setiap persoalan yang timbul dalam pemikiran seseorang berkaitan dengan ragam bahasa dalam penulisan cerpen. Kajian ini dilakukan selaras dengan tujuan dan objektif dalam mengenalpasti dan menghuraikan ragam bahasa antologi cerpen kanak-kanak 'Tiga Dunia' berdasarkan kerangka Za'ba (1965).

### **1.6.2 Kepentingan kajian dari segi praktikal**

Kepentingan praktikal kajian ialah untuk memberi panduan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mempelajari atau mendalami mengenai ragam bahasa yang berlaku serta digunakan dalam penulisan mahupun pertuturan harian seseorang. Hal ini sekaligus memberi sumbangan kepada bidang ilmu bahasa di negara ini. Selain itu, kajian yang dijalankan ini juga mampu menjadi rujukan kepada generasi muda pada masa kini dan akan datang agar dapat mengembangkan fahaman mengenai kategori ragam bahasa yang digunakan dalam bahasa Melayu agar tidak ditelan zaman. Selain itu, kepentingan praktikal ini juga dapat memberi kebaikan kepada pihak universiti. Pihak UNIMAS khususnya tenaga pengajar atau pensyarah kursus bahasa berperanan besar dalam menyampaikan gaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dan efektif untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajarinya bagi menghasilkan satu pencapaian yang baik bukan sahaja nilai pada gred slip peperiksaan tetapi dapat menerapkan terus penguasaan dalam harian pelajar. Tepatlah bahawa kajian ini mampu memberi pendedahan kepada masyarakat terutamanya golongan remaja yang masoh mengamalkan amlan membaca cerpen sekaligus memberi pengaruh kepada bahasa ibunda di negara ini.

### **1.7 Rumusan**

Bab ini telah menceritakan latar belakang kajian dengan lebih terperinci menjelaskan permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian serta memberi definisi operasi terma. Bab ini juga diakhiri dengan kepentingan kajian daripada dua aspek iaitu aspek teoritikal dan aspek praktikal bagi mengukuhkan lagi sebab-sebab kajian ini perlu dijalankan

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang akan pengkaji jadikan sebagai rujukan sepanjang kajian ini dijalankan. Bab ini juga akan membincangkan sintesis kajian-kajian lepas.

#### **2.2 Kajian lepas berkaitan ragam bahasa**

Kajian oleh Jaenudin et al. (2018) bertujuan untuk menganalisis gaya bahasa yang terdapat pada buku anatologi cerpen Mawar Hitam karya Candra Malik. Seterusnya, metod yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan deskriptif iaitu pendekatan struktural. Kajian ini telah menggunakan lima cerpen yang berbeza daripada keseluruhan cerpen iaitu berjumlah sebanyak dua puluh. Pengkaji tidak menggunakan responden sepanjang kajian ini dijalankan. Bagi instrumen pula, kajian ini tidak menggunakan teori atau kerangka daripada tokoh mahupun kajian lepas yang lain. Bagi pengumpulan data pula, pengkaji telah membaca lima buah cerpen dalam antologi cerpen Mawar Hitam. Seterusnya, pengkaji akan mencatat perkara yang berkaitan dengan gaya bahasa dalam cerpen tersebut. Pengkaji juga akan melakukan pengamatan terhadap ciri-ciri yang sesuai dengan permasalahan yang diambil secara terperinci. Seterusnya, pengkaji akan membaca dan menelaah segala sumber data yang relevan dengan masalah penelitian yang dilakukan secara berulang kali untuk mencapai tahap pemahaman yang memadai. Seterusnya, pengkaji juga akan berbincang dengan rakan sebaya yang memiliki pengetahuan yang sama dengan apa yang diteliti untuk mendapatkan pandangan dan memudahkan proses analisis data. Pengkaji juga akan menyemak semula data yang telah dikumpul untuk meneruskan proses menganalisis. Bagi kaedah menganalisis data

pula, pengkaji akan mengklasifikasikan kesemua data pada antologi cerpen sesuai dengan permasalahan kajian yang ingin difokuskan. Bagi dapatan data, pengkaji telah memfokuskan kepada lima gaya bahasa iaitu repetisi sebanyak 5 buah, asonasi sebanyak 10 buah, hiperbola sebanyak 3 buah, paradoks sebanyak 2 buah, personifikasi sebanyak 5 buah dan perifrasis sebanyak 6 buah. 31 penggunaan gaya bahasa pada lima cerpen yang telah dianalisis. Secara keseluruhannya, cerpen dengan penggunaan gaya bahasa terbanyak ialah berjudul Membaca Tubuhmu manakala yang paling sedikit ialah berjudul Selimut Nona Clara.

Kajian yang dijalankan oleh Junaidi et al. (2018) bertujuan untuk menganalisis persekitaran dalam novel Beruk karya Azizi Abdullah yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Objektif kajian ini pula ialah mengkaji pengaruh persekitaran dalam novel Beruk dengan menggunakan sistem mikrosistem dalam teori ekologi Bronfenbrenner (1979). Metodologi kajian ialah kaedah analisis teks dan kaedah pustaka. Kaedah analisis teks merujuk pembacaan secara teliti yang dilakukan terhadap teks serta pemilihan watak yang terlibat untuk dijadikan fokus kajian. Pengkaji tidak menggunakan responden dalam kajian yang dijalankan ini untuk mendapatkan dapatan data. Seterusnya, instrumen yang digunakan ialah teori Ekologi Bronfenbrenner (1979). Ini kerana teori ini menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak sebagai hasil interaksi antara alam persekitaran dengan kanak-kanak tersebut dan teori ini sesuai untuk memahami bagaimana persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Kaedah pengumpulan data, pengkaji telah melakukan pembacaan secara teliti untuk mengenal pasti persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Hal ini dikatakan kerana sesebuah novel pasti mempunyai watak yang ramai. Hasil daripada penelitian ini membolehkan pengkaji memilih watak utama yang menonjol dari segi peranannya untuk menggerakkan plot cerita selain memperlihatkan persekitaran yang

mempengaruhi tingkah lakunya. Bagi analisis data pula, pengkaji akan mengenal pasti persekitaran yang mempengaruhi watak kanak-kanak berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan watak kanak-kanak dalam novel *Beruk*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat pengaruh yang mampu mempengaruhi kehidupan seharian kanak-kanak iaitu pengaruh hubungan ibu bapa, rakan, guru dan jiran. Kesimpulannya, persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Kesemua persekitaran yang dijelaskan mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak dalam novel *Beruk*.

Kajian yang dijalankan oleh Ganiwati (2020) bertujuan untuk memperolehi pemahaman yang mendalam tentang gaya bahasa yang terdapat pada cerpen berjudul “Penjahit Kesedihan” karya Agus Noor. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah deskriptif iaitu kualitatif dengan teknik analisis teks. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji telah membaca dan meneliti keseluruhan cerpen yang berjudul “Penjahit Kesedihan” karya Agus Noor secara berulang-ulang dan mencatat kalimat-kalimat yang menyatakan pemakaian gaya bahasa. Seterusnya, bagi kaedah menganalisis data pula pengkaji telah mengkategorikan ragam bahasa untuk memudahkan proses analisis dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa pengkaji dapat mengkategorikan dan menganalisis kesemua jenis gaya bahasa iaitu gaya bahasa simbolik, hiperbola, personifikasi, simile dan sindiran. Kesimpulannya, gaya bahasa Agus Noor dalam cerpen “Penjahit Kesedihan” merangkai kata-kata itu menjadi cerita yang sangat menarik dan mampu menyentuh hati pembaca untuk mendalami ilmu sastra iaitu gaya bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Supaya & Annamalai (2020) untuk menjelaskan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkural*. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan dalam kumpulan